

Keluarga kita dan dunia perlu segera mempraktikkan dan menyebarkan kasih, untuk menterjemahkannya dengan cara yang konkrit dengan mengamalkan pengorbanan, rasa hormat, keterbukaan dan meraikan perbezaan.

Hari ini, tanpa jemu kita menyaksikan banyak tanda-tanda perpecahan di dunia ini antara negara, kaum, agama, kepercayaan dll dan lebih-lebih lagi dalam keluarga kita. Melihat ke dalam diri kita, ini adalah kesan dari kehancuran kita sendiri. Seorang kanak-kanak mula-mula mengalami kasih dan kebencian sejak dari kandungannya dan seterusnya dalam keluarga dan banyak perhubungan. Betapa besarnya kesan ini terhadap keluarga dan dunia yang memerlukan penyembuhan dan kesatuan dan lebih-lebih lagi dalam perkahwinan antara agama. Apakah yang paling diperlukan dengan segera?

Keluarga kita dan dunia perlu segera mempraktikkan dan menyebarkan kasih, untuk menterjemahkannya dengan cara yang konkrit dengan mengamalkan pengorbanan, rasa hormat, keterbukaan dan meraikan perbezaan. Dalam berbuat demikian, keluarga antara agama tonjolkan contoh bahawa kasih adalah nadi dalam kehidupan keluarga mereka. Kuasa cinta dalam kehidupan keluarga, di tengah-tengah perbezaan dan cabaran telah membantu banyak keluarga menjadi contoh. Umat Katolik dalam keluarga antara agama perlu memberi kesaksian tentang nilai-nilai Injil, sebagai menjalankan hukum terbesar yang difikirkan oleh Yesus iaitu. Mengasihi Allah, sesama dan diri sendiri (Luk. 10:27).

Kepada banyak keluarga dan terutamanya keluarga antara agama di paroki kita, adalah indah untuk mendengar kesaksian anda tentang bagaimana, hidup kasih telah meningkatkan kehidupan keluarga anda.

Jika anda ingin berkongsi, hantarkan e-mel kepada Fr Peter Anthoney, pembantu eklesiastikal untuk pelayanan kehidupan keluarga di Keuskupan Agung KL di peter@archkl.org.

Keluarga akan melakukannya dengan baik, untuk meluangkan masa berkualiti antara satu sama lain untuk membina kasih ini. Setiap ahli keluarga perlu bertanya, apakah halangan dalam hidup saya di rumah yang menghalang saya daripada membina hubungan dengan ahli keluarga saya. Ini mungkin melibatkan menyimpan telefon bimbit kita semasa makan, membenarkan setiap orang bercakap, mendengar antara satu sama lain dalam perbualan, untuk berseronok di sekitar rumah. Hakikatnya, keluarga yang meluangkan masa untuk satu sama lain, telah menikmati kualiti hidup yang lebih baik secara individu dan sebagai sebuah keluarga.

Meneruskan misi Yesus Kristus adalah tanggungjawab kita. Ia adalah untuk memulihkan Gereja dengan mewujudkan keharmonian dan penghormatan kepada semua orang, dalam komuniti dan dengan orang-orang yang berbeza budaya dan kepercayaan. Misi ini bermula dengan setiap ahli keluarga kita. Ia bermula dengan saya. ❖

Published by:
Peninsular Malaysia
Pastoral Team

Email: api@archkl.org

EDARAN DALAMAN SAHAJA

BUL 08/2023

19 FEBRUARI 2023

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa ke-7

GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

FOKUS BULANAN: **KELUARGA DAN KESATUAN**



Kesatuan dan Keluarga Antara Agama

Allah itu pengasih. Kerana Kasih itulah Allah memberikan Nyawa-Nya kepada kita untuk semua anak dan ciptaan-Nya. Kasih akan berakar dalam setiap keluarga dan persekitaran yang benar-benar mempercayai kewujudannya yang bermatlamat, yang memanjangkan Harapan dan Percaya serta alasan untuk hidup dalam dunia yang mempunyai banyak perbezaan.